

# Buku dedah

Oleh Rasid Rahaman

BH - 9 FEB 2000

KOTA BHARU, Selasa – Sekurang-kurangnya tujuh fatwa yang dikeluarkan Pas terutama pemimpinnya yang bertentangan dengan akidah Islam disenaraikan dalam buku *Kuasa Politik (Siasatul Mudun) Kunci Segala Perjuangan*, diterbitkan Bahagian Penerangan Umno Terengganu, Septembar tahun lalu.

Tujuh fatwa terbabit adalah antara bukti paling jelas yang boleh diketengahkan untuk menjawab cabaran Presiden Pas, Datuk Fadzil Nor melalui kenyataannya menerusi lidah rasmi Pas, Harakah baru-baru ini.

Bekas aktivis Pas, Omar Khalid berkata, buku terbabit yang dikarang oleh Pengarang Pejabat Menteri Besar Terengganu, Datuk Safei Daud, bagaimanapun sukar diperolehi kerana kini berada dalam simpanan kerajaan

Pas Terengganu, sebaik saja berjaya mengambil alih teraju pemerintahan negeri itu pada pilihan raya umum lalu.

Beliau yang turut sama membantu menerbitkan buku itu berkata, antara fatwa Pas yang disenaraikan dalam buku itu ialah Amanat Haji Hadi; tindakan Pas mengkafirkan ahli Umno; Islam didakwa tidak melarang umatnya mengeluarkan perkataan mencarut atau mencaci seseorang jika kena pada tempatnya.

Selain itu, kenyataan Presiden Pas Datuk Fadzil Nor berhubung isu orang Badwi di tanah Arab jaga unta, Badawi di Malaysia jaga babi; Islam menggalakkan umpat; Asobiyah; dan risalah doa 'butakan' mata rakyat.

"Apa yang saya ingat, buku itu turut menyenaraikan pelbagai rujukan terutama ayat al-

Quran dan Hadis untuk membuktikan segala fatwa yang dikeluarkan oleh Pas menyeleweng dan mengelirukan umat Islam," katanya.

Selain al-Quran dan Hadis, buku itu turut menjelaskan walaupun sembahyang Jumaat dua imam di sebuah masjid sudah berlaku di Terengganu sejak 1975, kejadian itu meningkat pada 1983, selepas ahli Pas berpegang kepada amanat yang diucapkan Abdul Hadi.

Omar turut mengakui Amanat Haji Hadi adalah asal usul kepada penyakit ahli Pas mula mengkafirkan Umno dan berlakunya sembahyang Jumaat dua iman dalam satu masjid di Terengganu.

Amanat itu dipetik dalam ucapan Abdul Hadi Awang di Kampung Banggul Peradang pada 7 April 1981 antara lain berbunyi:

## tujuh fatwa Pas

"Saudara-saudara sekalian, percayalah, kita menentang Umno bukan kerana nama dia Umno, kita menentang BN, bukan kerana nama BN. Kita menentang dia kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan jahilliah.

"Oleh kerana itulah kita menentang mereka. Oleh kerana itulah kita berjuang melawan mereka. Percayalah saudara-saudara, perjuangan kita adalah jihad, upacara kita adalah jihad dan kerana kita berjuang dengan puak-puak ini. Kalau kita mati kerana berlawan ini, mati kita adalah mati syahid, mati kita adalah mati Islam.

"Kita tidak payah masuk Yahudi, kita tidak payah masuk Kristian, kita tidak payah masuk Hindu, kita tidak payah

Buddha, tetapi kita menjadi kafir dengan mengatakan politik suku agama suku."

Beliau berkata, turut disenaraikan dalam buku itu ialah dalil Persuruhjaya Pas Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mendakwa Allah sendiri menggunakan perkataan memaki, mencemuh atau mencarut, ketika membela tindakan Prof Shahnnon Ahmad menulis buku 'Shit', pada 28 April 1999, juga mengelirukan umat Islam.

"Pendek kata jika hendak bukti fatwa Pas bercanggah dengan akidah Islam memang banyak.

"Oleh itu, pelbagai pihak terutama alim ulama di negara ini perlu tampil ke depan untuk menangani masalah ini. Kita tidak mahu umat Islam terus terabara kerana tertipu dengan ulama Pas," katanya.

Sementara itu, bekas Ketua Ulama Pas Terengganu, Ghazali Ahmad mengakui fatwa yang dikeluarkan itu memang bercanggah dengan akidah Islam kerana ia mempunyai unsur-unsur yang boleh mengelirukan dan merosakkan umat Islam di negara ini.

Ini katanya, kerana setiap fatwa yang dikeluarkan Pas itu tidak mempunyai dalil yang jelas dan tidak tepat.

Ahad lalu, akhbar ini melaporkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Umno akan membuktikan bahawa beberapa fatwa yang dikeluarkan oleh Pas adalah bertentangan dengan akidah Islam.

Perdana Menteri berkata, Umno kini sedang mengumpul maklumat perlu dan akan mengemukakan bukti apabila proses itu selesai.